

Hargai khat Jawi sebagai kreativiti seni halus

Keputusan kerajaan memperkenalkan seni khat dan tulisan Jawi bagi mata pelajaran bahasa Melayu Tahun Empat mencetuskan bantahan terutama daripada kumpulan pendesak Cina yang secara terbuka menyatakan rasa tidak senang mereka, malah ada yang mahu melakukan bantahan.

Tindakan itu cukup mengecewakan berikutan kerajaan selama ini tidak pernah menghalang kaum lain mengamalkan penulisan bahasa ibunda masing-masing. Malah ada yang sudah berani menggunakan tulisan, selain bahasa Melayu secara terbuka termasuk untuk perkara rasmi.

Jika diimbaz sejarah, tulisan Jawi adalah warisan peradaban Melayu yang diadaptasi daripada abjad Arab dan disesuaikan bagi sebutan dalam bahasa Melayu.

Tulisan Jawi digunakan secara meluas di Kepulauan Melayu se-

hingga kedatangan penjajah Eropah yang mula memperkenalkan sekolah Melayu dengan menggunakan tulisan Rumi.

Tulisan Jawi masih digunakan secara meluas ketika awal kemerdekaan negara terutama bagi tujuan urusan harian sehingga kepada pembelajaran dan pengajaran.

Semasa awal penjajahan Inggeris dulu, tulisan Jawi disifatkan sebagai tulisan utama orang Melayu sehingga memaksa mereka mempelajarinya untuk membolehkan berkomunikasi dan memahami budaya orang Melayu.

Tulisan Jawi atau seni khat Melayu ini sebenarnya tidak jauh bezanya dengan seni kaligrafi Cina. Kedua-duanya satu bentuk seni tulisan yang terhasil daripada kreativiti seni halus.

Sama seperti seni kaligrafi Cina, kaligrafi Jawi atau khat bukan sekadar mempengaruhi bu-

daya kaum yang diwakili, tetapi turut dijadikan hiasan indah dan menjadi karya artistik menggabungkan kehalusan seni dan budaya masyarakat yang mengalmkannya.

Dalam erti kata lain, seni khat adalah satu seni kemahiran menulis tulisan Jawi dengan gaya

Tulisan Jawi atau seni khat Melayu ini sebenarnya tidak jauh bezanya dengan seni kaligrafi Cina. Kedua-duanya satu bentuk seni tulisan yang terhasil daripada kreativiti seni halus.

khas atau unik bagi menghasilkan bentuk tulisan indah. Jadi rasanya tidak salah jika usaha memperkenalkan tulisan ini kepada semua rakyat di Malaysia kerana seni ini adalah sebahagian kemahiran untuk mereka belajar menulis satu bentuk tulisan secara indah.

Diharapkan hasrat murni kerajaan untuk memberi satu bentuk ilmu kreatif kepada rakyatnya tidak disalah anggap sesetengah pihak sehingga bertindak membantah secara melulu.

Selama ini terlalu banyak keistimewaan yang diberikan kerajaan kita termasuk membenarkan tulisan bahasa Cina diajar dan digunakan secara meluas sedangkan negara lain seperti Filipina, Indonesia dan Thailand tidak membenarkan perkara itu sama sekali.

**Pencinta seni,
Petaling Jaya**